kosmo
9/9/16
m/s 3

UNIT KUTIPAN DAN DOKUMEN
DITERIMA
09 SEP 2016
U.R.D
M.B.P.J.

# Trauma ke sekolah selepas dibuli rakan

**KUANTAN** – Seorang pelajar Kolej Vokasional Muadzam Shah mendakwa dibelasah enam pelajar sekolah itu malam Sabtu lepas setelah dituduh mencuri telefon bimbit mengakibatkan dia trauma untuk kembali ke sekolah itu.

Mangsa yang berusia 16 tahun berkata, dalam kejadian pada pukul 11 malam itu, dia baru keluar dari surau asrama sebelum didatangi seorang pelajar senior yang mengarahkannya pulang ke asrama.

"Sampai di asrama, mereka terus bertindak mengunci pintu dan dua pelajar senior serta empat lagi rakan sebaya telah memukul saya bergilir-gilir sambil disaksikan beberapa pelajar lain.

"Pelajar lain tidak berani untuk membantu. Selepas mereka berhenti memukul, saya menghubungi kakak di Universiti Tenaga Nasional Berhad (Uniten) Muadzam Shah dan kami ke balai polis membuat laporan pada pukul 2.40 pagi," katanya kepada pemberita di sini semalam.




PELAJAR Kolej Vokasional Muadzam Shah, menunjukkan salinan laporan polis serta gambarnya terlantar di Hospital Muadzam Shah, Rompin.

Pelajar itu berkata, mereka kemudian ke Hospital Muadzam Shah dan dia ditahan semalaman di wad untuk pemantauan. Dia mengalami lebam di tangan, kaki dan kepala.

Kakak sulungnya, Mazita, 34, berkata, pada malam kejadian, adiknya di Uniten Nur Mas Idayu menghubunginya dan memberitahu Mazrul Hakim menghantar pesanan ringkas yang pelik di telefon.

"Saya cuba menghubungi adik dan warden sekolah sejak pukul 11.40 malam namun tiada jawapan," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Rompin, Deputi Superintendan Aidil Roneh Abdullah semasa dihubungi mengesahkan menerima laporan kejadian itu dan enam pelajar berkenaan telah dipanggil untuk siasatan. – Bernama

PPZ BERSEDIA KE LOKASI ANDA!
Memudahkan Anda Berzakat
HUBUNGI KAMI DI TALIAN ZAKAT 1-300-88-5757

PPZ - MAIWP Bersedia Ke :
- Pejabat / Syarikat / Premis anda
- Kaunter Info
- Program / Majlis anda
- Mana-mana lokasi di sekitar Wilayah Persekutuan



KEMUDAHAN DISEDIAKAN
- Taksiran Zakat
- Pertanyaan Zakat
- Skim Potongan Gaji Zakat (Skim Thohir)
- Pembayaran Zakat Secara:
  - Tunai & Cek
  - Kad Kredit Perbankan Islam / Kad Debit

PERKHIDMATAN KHAS PEMBAYARAN ZAKAT
individu RM10 ribu ke atas:
- Ke lokasi anda
- resit akan diberikan
- Emailkan kepada faridah@zakat.com.my / hubungi 1 300 88 5757

7 LOKASI TETAP
KAUNTER ZAKAT BERGERAK
- JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN (Berhadapan Maybank) - 19 Sept
- JALAN DUNGUN (Berhadapan Indah Water Konsortium) - 20 Sept
- CIMB BANK SETIAWANGSA - 21 Sept
- KWSP WANGSA MAJU - 22 Sept
- MASJID AS-SYAKIRIN KLCC - 23 Sept
- PERBADANAN PUTRAJAYA - 26 Sept
- MENARA BINJAI (Berhadapan InterContinental Kuala Lumpur) - 27 Sept

* Hubungi 1-300-88-5757 untuk jadual bulan berikutnya bagi Kaunter Zakat Bergerak

CENDERAMATA ISTIMEWA MENANTI ANDA

zakat.com.my
facebook.com/myzakat